



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 MARCH 2017

## Penyokong UMNO, BN tidak perlu hadir debat

um-21/3/2017

**KUALA LUMPUR 20 Mac**  
- Penyokong UMNO dan Barisan Nasional (BN) diminta tidak menghadiri debat antara Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz dengan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad, Sabtu ini.

Mohamed Nazri yang juga Ahli Parlimen Padang Rengas berkata, saranan itu dibuat kerana beliau ingin memberi penjelasan se-



**MOHAMED NAZRI  
AZIZ**

cukupnya kepada pembangkang dan menjawab semua soalan bekas Perdana Menteri itu.

“Tidak timbul isu siapa menang atau kalah dalam debat ini. Ini wacana, ‘wa caya lu’. Orang tanya soalan, saya jawab.

“Ini bukan debat kanak-kanak, ini debat yang serius,” katanya di lobi Parlimen hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir mencabar Mohamed Nazri berdebat mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF) dan majlis itu akan diadakan pada 25 Mac ini di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak.

Sementara itu, Mohamed Nazri turut menjelaskan penganjuran debat di sekolah berasrama penuh itu tidak menjadi kesalahan atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang termasuk Akta Perhimpunan Aman 2012.